

KEMAMAN, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan Kerajaan tidak akan teragak-agak bertindak tegas terhadap golongan-golongan yang menggunakan agama untuk memecahbelahkan rakyat di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan seperti itu perlu untuk menghalang mereka dari merosakkan kehidupan rakyat dan kepentingan negara.

"Sekiranya ia tidak dihalang saya khuatir negara ini mungkin akan jatuh ke tangan musuh-musuh Islam," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan kursus kepimpinan masyarakat anjuran Jabatan Penerangan di Dewan Bandaran di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menasihatkan rakyat berwaspada terhadap kegiatan golongan-golongan seperti ini yang menggunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri agar tidak berpecah-belah.

Beliau memberi contoh sebuah negara yang mempunyai 100 peratus rakyat beragama Islam tetapi masih jatuh ke tangan orang lain disebabkan keadaan rakyatnya yang bermusuhan sesama sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kegiatan-kegiatan menyeleweng seperti itu sedang berjalan di

# Agama: Dr. M beri amaran

banyak tempat dengan tujuan memecahbelahkan umat Islam.

Beliau menolak anggapan pihak-pihak yang mendakwa kononnya Islam dan komunis tiada berbeza.

"Islam dan komunis adalah jauh berbeza kerana komunis menolak sama sekali wujudnya Tuhan," katanya.

## Mengkaji

Katanya, Kerajaan sentiasa menyiasat kegiatan golongan-golongan yang ingin memuaskan nafsu mereka dengan berselindung di sebalik agama.

"Setengahnya cuba menarik perhatian rakyat dengan membuat taf-

siran-tafsiran salah untuk mendapatkan kuasa politik.

"Kita tidak akan teragak-agak menggunakan kuasa menghalang kegiatan-kegiatan yang menyeleweng yang bertujuan merosakkan rakyat dan negara jika ada bukti," tambahnya.

Beliau mengingatkan golongan tersebut jangan mengangap Kerajaan berdiam diri atau cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Trengganu diminta mengkaji keperluan tenaga pekerja dan mengadakan kemudahan latihan kepada rakyatnya sebagai persediaan menghadapi arus pembangunan pesat berikutan perkembangan industri berasaskan petroleum di negeri ini tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyeru rakyat Trengganu merebut peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang akan wujud berikutan perkembangan industri itu.

Sewaktu bercakap kepada pemberita selepas melawat pusat bekalan minyak di sini tengahari tadi, Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan mula menyedari potensi kemajuan di Trengganu di tahun-tahun akan datang.

"Ini akan membawa perubahan yang radikal kepada Trengganu dari sebuah negeri mundur kepada negeri maju," katanya.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr. Mahathir, yang mengakhiri lawatan dua harinya ke negeri ini, menghadiri majlis taklimat di pusat tersebut.

Turut hadir di majlis taklimat Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu (PMINT), Encik Abdul Aziz Ibrahim, ialah Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman.

Dalam taklimatnya, Encik Aziz memberitahu, PMINT akan membina 758 unit rumah di bandar baru Kerteh, dekat sini dengan jumlah perbelanjaan \$150 juta.

Untuk peringkat awalnya 585 unit rumah akan dibina dan dijangka siap dua tahun lagi.

Kos yang dikhaaskan itu termasuk belanja membina bangunan-bangunan dan kemudahan sukan untuk pegawai dan kakitangan industri petroleum dan pembinaan padang pendaratan helikopter.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia